




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

24 SEPTEMBER 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 153 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 393,995 kes.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 226 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 386,005 orang. Manakala 206 pesakit sedang menerima rawatan di hospital. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah sembilan (9) orang iaitu tujuh (7) orang di ICU/repurposed kritikal care dan dua (2) orang di open ward (HDW/kubikel akut) manakala empat (4) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Ranau berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 11 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah 12 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah jangkitan baharu ialah 153, 18 kes lebih rendah berbanding angka semalam. Dengan bilangan sampel ujian yang berkurangan daripada 1,846 kelmarin kepada 1,743 hari ini serta kadar positifiti yang lebih tinggi yakni 9.52% (9.37% semalam) angka penurunan adalah marginal.
- b. Enam (6) daerah mencatatkan jangkitan baharu dua angka yang didahului oleh Kota Kinabalu dengan 68 kes. Jumlah terbaru ini merupakan dua (2) kali ganda lebih banyak daripada jumlah jangkitan semalam. Lima (5) daerah lain yang merekodkan jangkitan dua (2) angka ialah Lahad Datu 12 kes (-1), Kota Marudu 11 kes (+4), Penampang 11 kes (kekal), Tawau 11 kes (-16) dan Tuaran 10 kes (-2).
- c. Sembilan (9) daerah tidak merekodkan sebarang jangkitan baharu sepanjang 24 jam yang lalu. Antaranya ialah Sandakan, Sipitang dan Tambunan yang masing-masing mencatatkan lima (5) kes kelmarin.
- d. Sebanyak 151 daripada 153 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, serta masing-masing satu (1) kes dalam Kategori 3 dan Kategori 4.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	17	11.11%
3	Bergejala	130	84.97%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	6	3.92%
JUMLAH		153	100%

B. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (23 September 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 23/09/2022	Catatan Kes 24/09/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	34	68	+34
2	Kota Marudu	7	11	+4
3	Beaufort	2	3	+1
4	Beluran	1	2	+1
5	Semporna	0	1	+1
6	Kalabakan	0	1	+1
7	Kinabatangan	2	2	Mendatar
8	Penampang	11	11	Mendatar
3	Tongod	0	0	Mendatar
10	Nabawan	0	0	Mendatar
11	Ranau	1	1	Mendatar
12	Tawau	27	11	-16
13	Papar	11	2	-9
14	Tambunan	5	0	-5
15	Kudat	9	4	-5
16	Sipitang	5	0	-5
17	Sandakan	5	0	-5
18	Putatan	7	4	-3
19	Kuala Penyu	2	0	-2
20	Tenom	4	2	-2
21	Tuaran	12	10	-2
22	Lahad Datu	13	12	-1
23	Kota Belud	8	7	-1
24	Pitas	1	0	-1
25	Telupid	1	0	-1
26	Kunak	1	0	-1
27	Keningau	2	1	-1
JUMLAH		171	153	-18

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 969 unit.

- Hospital 921 unit.
- PKRC (Awam) 20 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 21.26%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 24 SEPTEMBER 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	150
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	153

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	150
Bukan Malaysia	3
Jumlah	153

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	1
Belum Menerima Vaksin (5-11)	6
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	13
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	57
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	76
Jumlah	153

iii. Umur

Umur (Tahun)	
<1	0
1-4	1
5 -11	14
12-17	11
18-29	37
30-39	37
40-49	21
50-59	18
60-69	6
70-79	6
80-89	2
>90	0
Jumlah	153

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II